

Bukan dengan menentang kerajaan

Cara buktikan

wibawa akhbar

Oleh **BADRULHISHAM OTHMAN**

PETALING JAYA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan akhbar bahawa sikap menentang kerajaan bukanlah cara bagi membuktikan kewibawaan mereka dalam dunia kewartawanan.

Ini, kata Perdana Menteri, kerana dalam sesebuah negara membangun seperti Malaysia, kerajaan dan akhbar mempunyai objektif sama dalam menentukan kesejahteraan dan pembangunan rakyat.

"Adalah malang kerana ada yang berpendapat kewibawaan sesebuah akhbar bergantung kepada sikap penentangan-nya terhadap kerajaan.

"Jika pendapat semasa mentafsirkan kebebasan akhbar adalah bebas daripada cengkaman kerajaan, kebebasan juga harus bermakna bebas daripada kongkongan pihak lain, yang juga mampu memeralatkan akhbar untuk kepentingan diri," katanya.

Beliau berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia, anjuran Institut Akhbar Malaysia di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia menerima teguran dan kritikan kerana ia amat penting untuk menentukan penyalahgunaan kuasa tidak berlaku dan segala dasarnya memberi kebaikan kepada rakyat.

"Tetapi menafikan sesuatu yang baik kerana kononnya ingin mempertahankan kebebasan dan kewibawaan akhbar, sebenarnya mencabul hak dan tanggungjawab yang diberikan kepada wartawan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata,

pihak akhbar harus bijak memilih bentuk maklumat yang semakin mudah diperolehi melalui perkembangan teknologi masa kini.

"Apabila akhbar memilih berita, secara tidak langsung ia menjadi 'penapis'. Sepertimana juga pihak akhbar tidak suka kepada tapisan rasmi (kerajaan), begitu juga akan ada pihak tertentu yang tidak suka akan tapisan yang dilakukan sendiri oleh akhbar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyatakan kebimbangannya terhadap penguasaan media Barat dalam menyalurkan segala perkembangan antarabangsa.

"Kebanyakan bahan berita diterima daripada agensi antarabangsa atau akhbar Barat. Kadangkala saja ia ditulis oleh wartawan negara membangun. Ini bermakna berita dan rencana itu adalah melalui kaca mata dan pandangan orang asing yang berlainan nilai dan pendekatan.

"Secara tidak langsung, kita mengikut pemikiran cara Barat yang sudah tentu mengutamakan kepentingan mereka," katanya.

Justeru itu, Perdana Menteri menyeru akhbar tempatan bekerjasama menempatan wartawan mereka di negara asing dengan tujuan memperoleh maklumat sendiri.

"Saya harap lebih ramai lagi wartawan Malaysia dapat menulis mengenai isu antarabangsa dengan cara tersendiri dan bukan mengikut kaca mata Barat.

"Saya sedar masalah kewangan yang dihadapi oleh akhbar tempatan, yang seperti akhbar seluruh dunia bergantung kepada agensi berita asing.

"Kerajaan pada dasarnya sedia mem-

bantu pihak akhbar mengadakan kerjasama seperti itu. Tetapi di satu segi ini kurang elok kerana mungkin ada pihak yang menuduh kerajaan cuba mempengaruhi akhbar," katanya.

Mengenai penyebaran berita, Perdana Menteri berkata, wartawan perlu lebih memberatkan penerbitan sesuatu berita yang memberi manfaat kepada masyarakat umum.

"Tugas pengarang dan wartawan dalam masyarakat majmuk bukanlah mudah, terutama berhadapan dengan isu kaum dan agama. Tetapi ini tidaklah bermakna akhbar tidak boleh langsung melaporkan hal membabitkan ras dan agama," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegur golongan yang memperjuangkan kebebasan hak mengetahui sesuatu semata-mata kerana menjaga kepentingan orang tertentu.

"Hak mengetahui dicipta dan dipuja oleh orang berkepentingan dan mahu menjadikan diri mereka penting. Tetapi hakikat sebenarnya kita tidak mungkin mengetahui segala apa yang berlaku di dunia ini.

"Oleh kerana kita tidak mungkin menyebarkan semua berita, kita terpaksa memilih. Apa salahnya jika kita memilih berita yang membina daripada perkara yang membawa keburukan, sekalipun kononnya berita buruk itu lebih menarik," katanya.

Beliau berpendapat, taraf akhbar adalah sama dengan peniaga yang tamak jika ia lebih mengutamakan keuntungan perniagaan daripada kepentingan masyarakat.